



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1991**

---

**PROSEDUR DAN SYARAT PERKHIDMATAN UNTUK MELANGKAH TITIK  
PENINGKATAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG MEMPUNYAI SKEL  
GAJI YANG DIGABUNGAN**

**1. Tujuan**

1.1 Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk menerangkan prosedur dan syarat-syarat perkhidmatan untuk melangkah titik peningkatan bagi skim perkhidmatan yang mempunyai skel gaji yang digabungkan.

**2. Latar Belakang**

2.1 Melangkah sekatan kecekapan dan kenaikan pangkat merupakan dua kaedah yang membolehkan seseorang pegawai mendapat peningkatan gaji. Walau bagaimanapun di dalam penyusunan semula beberapa skim perkhidmatan, satu konsep baru mengenai peningkatan gaji telah dimasukkan ke

dalam skim perkhidmatan yang berkenaan iaitu dengan menggabungkan dua atau lebih skel gaji di dalam satu tingkatan jawatan.

2.2 Peningkatan gaji dari satu skel gaji ke skel gaji yang lebih tinggi di dalam satu tingkatan jawatan bagi skim perkhidmatan yang mempunyai skel gaji yang digabung adalah berbeza dari melangkah sekatan kecekapan ataupun kenaikan pangkat.

2.3 Melangkah sekatan kecekapan ialah peningkatan matagaji di dalam skel gaji yang sama. Kenaikan pangkat pula ialah peningkatan secara hakiki dari satu tingkatan ke suatu tingkatan yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan pegawai berkenaan.

2.4 Mengenai peningkatan gaji ini, beberapa istilah yang berbeza digunakan dalam skim-skim perkhidmatan yang mempunyai skel gaji yang digabungkan. Terdapat beberapa skim perkhidmatan yang menggunakan istilah sekatan kecekapan yang disebut sebagai "**sekatan kecekapan kedua**" bagi peningkatan skel gaji di dalam satu tingkatan jawatan. Skim perkhidmatan yang terlibat di antaranya ialah skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Eksekutif, Pegawai Kerani, Jurutera, Pembantu Teknik dan Tukang. Bagi skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Bukan Siswazah, istilah yang digunakan ialah "**peningkatan skel gaji**". Manakala skim perkhidmatan Pensyarah Universiti pula menggunakan istilah "**melangkah titik penyemakan**".

2.5 Untuk menyeragamkan penggunaan istilah, konsep peningkatan gaji ke skel gaji yang lebih tinggi di dalam satu tingkatan jawatan telah diberi istilah baru yang disebut sebagai "**melangkah titik peningkatan**" untuk mengganti pelbagai istilah yang digunakan dalam skim-skim perkhidmatan.

### 3. Definisi

3.1 "**Melangkah titik peningkatan**" bermaksud peningkatan gaji seseorang pegawai dari satu skel gaji ke skel gaji yang lebih tinggi dalam tanggagaji yang digabungkan di dalam satu tingkatan jawatan.

### 4. Syarat-syarat Melangkah Titik Peningkatan

4.1 Seseorang pegawai layak dipertimbangkan untuk melangkah titik peningkatan apabila ia **memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan**. Di antaranya:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) berkhidmat bagi suatu tempoh atau berada di atas matagaji tertentu yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan yang berkenaan;
- (c) mencapai taraf kecemerlangan perkhidmatan/tahap kemahiran yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan.

## 4.2 Taraf Kecemerlangan Perkhidmatan/Tahap Kemahiran

4.2.1 Salah satu daripada syarat melangkah titik peningkatan ialah mencapai taraf kecemerlangan perkhidmatan bagi Kumpulan A, B dan C dan mencapai tahap kemahiran bagi Kumpulan D. Kriteria bagi menentukan taraf kecemerlangan perkhidmatan/tahap kemahiran adalah seperti yang dijelaskan di bawah:

### **Kumpulan A, B dan C**

- (a) Tahap penilaian yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang tidak rendah daripada B+ berdasarkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan untuk selama tiga (3) tahun yang terakhir;
- (b) Tahap penilaian yang tidak rendah daripada B bagi Laporan Sulit Khas;
- (c) Bebas daripada hukuman tatatertib atau tamat tempoh kuatkuasa hukuman tatatertib; dan
- (d) Bebas daripada kes rasuah.

## **Kumpulan D**

(a) Tahap penilaian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan yang tidak rendah daripada B+ berdasarkan Laporan Nilai Kerja untuk selama tiga (3) tahun yang berakhir;

(b) Bebas daripada hukuman tatatertib atau tempoh kuatkuasa tatatertib;  
dan

(c) Bebas dari kes rasuah.

## **5. Penetapan Gaji**

5.1 Penetapan gaji seseorang pegawai yang berjaya melangkah titik peningkatan ke dalam skel gaji yang baru hendaklah mengikut peraturan ini:

(a) Jika gaji akhirnya sebelum melangkah sekatan titik peningkatan lebih rendah daripada gaji minimum skel gaji yang lebih tinggi, ianya akan menerima gaji minimum selepas melangkah titik peningkatan.

(b) Jika gaji akhir sama atau lebih tinggi daripada gaji minimum skel gaji yang lebih tinggi, ia akan menerima gaji di mata gaji tertinggi yang berhampiran di dalam skel gaji yang lebih tinggi itu.

## **6. Tarikh Kenaikan Gaji**

6.1 Apabila seseorang pegawai itu berjaya melangkah titik peningkatan maka tarikh kenaikan gaji pegawai berkenaan akan berubah kepada tarikh beliau

berjaya melangkah titik peningkatan. Tarikh kenaikan gaji pegawai itu ialah pada hari genap ulangtahun melangkah titik peningkatan tersebut jika tarikh melangkah titik peningkatan itu ialah pada satu haribulan, dan pada satu haribulan bulan berikutnya jika tarikh melangkah titik peningkatan itu bukannya pada satu haribulan.

## 7. **Kekananan**

7.1 Kedudukan kekananan pegawai yang berjaya melangkah titik peningkatan tidak berubah. Walau bagaimanapun pegawai yang gagal akan hilang kekananan asalnya.

## 8. **Tarikh Kuatkuasa**

8.1 Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Walau bagaimanapun peraturan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan yang berkenaan bagi melaksanakan urusan melangkah titik peningkatan sebelum terkeluarnya Pekeliling Perkhidmatan ini adalah terpakai.

8.2 Mulai dari tarikh kuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, istilah bagi peningkatan skel gaji hendaklah ditukar kepada istilah "**melangkah titik peningkatan.**"

8.3 Skim Perkhidmatan yang terlibat dengan penggabungan skel gaji adalah seperti di [Lampiran "A"](#).

## 9. Pemakaian

9.1 Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dipanjangkan pemakaiannya kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-Penguasa Tempatan.



MOHD. SHAHARI BIN AHMAD JABAR,  
*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam I,  
Malaysia*

19 Jun 1991

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,

Semua Setiausaha Suruhanjaya,

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun,

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

## LAMPIRAN A

<i>Skim Perkhidmatan</i>	<i>Skel Gaji Yang Digabungkan</i>	<i>Gred Jawatan</i>	<i>Istilah Yang Digunakan Dalam Skim Perkhidmatan Bagi Peningkatan Gaji ke Skel Gaji Yang Lebih Tinggi</i>	<i>Istilah Baru Bagi Peningkatan Gaji ke Skel Gaji Yang Lebih Tinggi</i>
(a) Pegawai Tadbir dan Diplomatik	A19/A11	Tingkatan Biasa	Sekatan Kecekapan Kedua	Melangkah Titik Peningkatan
(b) Pegawai Penyelidik	A20/A11/A10 A9/A8	---	Sekatan Kecekapan Kedua	Melangkah Titik Peningkatan
(c) Pegawai Eksekutif	B3/B1	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Kedua	Melangkah Titik Peningkatan
(d) Pegawai Kerani	C3/C1	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Tingkatan Kanan	Melangkah Titik Peningkatan
(e) Jurutera	A18/A11	Tingkatan Biasa	Sekatan Kecekapan Kedua	Melangkah Titik Peningkatan
(f) Pembantu Teknik	B3/A24	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Tingkatan Kanan	Melangkah Titik Peningkatan
(g) Pembantu Teknik Kapalterbang	B3/A24	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Tingkatan Kanan	Melangkah Titik Peningkatan
(h) Pembantu Teknik	B3/A24	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan	Melangkah Titik

Penerbangan			Tingkatan Kanan	Peningkatan	
(i)	Pembantu Teknik Ukur	B3/A24	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Tingkatan Kanan	Melangkah Titik Peningkatan
(j)	Juruteknik	C3/C1	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Tingkatan Kanan	Melangkah Titik Peningkatan
(k)	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	C3/C1	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Tingkatan Kanan	Melangkah Titik Peningkatan
(l)	Juruteknik Ukur	C3/C1	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Tingkatan Kanan	Melangkah Titik Peningkatan
(m)	Tukang K1	D5/D3	Tingkatan Biasa	Sekatan Kecekapan Tingkatan Biasa	Melangkah Titik Peningkatan
		C5/C2	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Tingkatan Kanan	Melangkah Titik Peningkatan
(n)	Tukang K2	D15-1/D7	Tingkatan Biasa	Sekatan Kecekapan Tingkatan Biasa	Melangkah Titik Peningkatan
		D3/C5/C2	Tingkatan Kanan	Sekatan Kecekapan Tingkatan Kanan	Melangkah Titik Peningkatan
(o)	Tukang K3	D19/D8	Tingkatan Biasa	Sekatan Kecekapan Tingkatan Biasa	Melangkah Titik Peningkatan

(p)	Pegawai Pendidikan (Guru Bukan Siswazah)	C8/B10/B8	Tingkatan Biasa	Peningkatan Skel Gaji	Melangkah Titik Peningkatan
(q)	Pensyarah Universiti	A14/A11/A10 A9/A8 A7/A6	---	Peningkatan Skel Gaji/Melangkah Titik Peningkatan	Melangkah Titik Peningkatan

**LAMPIRAN A-(samb.)**

<i>Skim Perkhidmatan</i>	<i>Skel Gaji Yang Digabungkan</i>	<i>Gred Jawatan</i>	<i>Istilah Yang Digunakan Dalam Skim Perkhidmatan Bagi Peningkatan Gaji ke Skel Gaji Yang Lebih Tinggi</i>	<i>Istilah Baru Bagi Peningkatan Gaji ke Skel Gaji Yang Lebih Tinggi</i>
(r) Pensyarah ITM	A20/A11 A10/A9/A8	-	Kenaikan Tanggagaji	Melangkah Titik Peningkatan
(s) Penolong Pensyarah	A20/A11	-	Peningkatan Skel Gaji	Melangkah Titik Peningkatan